

SOALAN-SOALAN LAZIM DI UNIT REKOD PERUBATAN

1) Berapa lamakah tempoh penyediaan Laporan Perubatan disediakan ?

Dalam tempoh 4 minggu dari tarikh permohonan yang lengkap.

2) Bagaimana cara memohon Laporan Perubatan?

**Dapatkan borang permohonan di Unit Rekod Perubatan
Perlu lengkapkan ruangan surat keizinan pesakit/waris terdekat
Lampirkan dokumen-dokumen yang diperlukan.**

- a) Kad temujanji / nota discaj
- b) Borang yang berkaitan seperti borang insuran / KWSP
- c) Salinan Kad Pengenalan pesakit / simati
- d) Salinan Kad Pengenalan pemohon

3) Jika pesakit meninggal dunia, siapakah yang layak diberi keizinan untuk mengeluarkan Laporan Perubatan di mati.

- a) Suami/isteri - Sijil nikah diperlukan
- b) Ibu/bapa - Salinan Kad Pengenalan
- c) Adik Beradik - Salinan Kad Pengenalan

4) Bagaimana dengan permohonan bagi pesakit berumur 18 tahun ke bawah?

Surat keizinan dari ibu bapa / waris terdekat diperlukan.

5) Bagaimana tatacara permohonan Laporan Perubatan bagi pesakit warga Negara asing yang meninggal dunia tanpa waris?

Perlu dapatkan surat keizinan dari pihak Kedutaan Negara berkenaan.

7) Siapakah yang diberikan pengecualian surat keizinan?

Jabatan yang telah diberi kuasa di bawah peruntukan undang-undang untuk tujuan siasatan seperti:-

- a) Polis Diraja Malaysia
- b) Mahkamah
- c) “Mana-mana agensi yang telah diberi kuasa dibawah peruntukan undang-undang untuk mendapatkan Laporan Perubatan seseorang pesakit.”

- 8) Berapakah caj dikenakan bagi Penyediaan Laporan Perubatan oleh doktor?
- a) **Laporan Biasa / Insuran - RM40.00**
 - b) **Laporan Ringkas Pakar/ Pendapat Pakar - RM80.00**
 - c) **Laporan Pakar (terperinci) - RM200.00 hingga RM1000.00 (Bergantung pada kepakaran yang dimiliki)**

- 9) Berapakah caj bagi Laporan Perubatan Warganegara Asing?

Caj bagi warganegara asing adalah 2 kali ganda

- 10) Siapakah yang diberikan pengecualian bayaran Penyediaan Laporan Perubatan :-

- a) **Polis Diraja Malaysia**
- b) **Jabatan Kerajaan untuk tujuan pentadbiran**
- c) **Pesakit yang diperakukan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (disertakan kad OKU)**
- d) **Biro bantuan Guaman**
- e) **Borang BAT 117 (Tentera) (disertakan bersama surat pengesahan dari Pegawai Pemerintah).**

- 11) Bolehkah salinan Rekod Perubatan Pesakit diberikan kepada pesakit?

Tidak Boleh.

Rekod Perubatan Pesakit adalah hak milik hospital dan KKM dan kandungannya adalah `sulit'. **Hanya dikeluarkan oleh pihak hospital dalam bentuk laporan Perubatan sahaja dan bukannya salinan Rekod Perubatan Pesakit sebenar.**